

**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN SKUASY MSSPP 2017**  
**12 TKB,15 TKB DAN 18 TKB LELAKI DAN PEREMPUAN**

- Peraturan 1: Jawatankuasa Teknik Skuasy akan mengelolakan pertandingan skuasy MSSPP.
- Peraturan 2: Undang-undang permainan akan berpandukan peraturan am MSSPP dan MSSM serta SRAM. Pengadil dan aspek teknikal permainan mengikut undang-undang permainan yang ditetapkan oleh MSSM dan SRAM. MSSPP hanya mengelolakan pertandingan perseorangan sahaja.
- Peraturan 3: Sistem pertandingan kalah mati dan *acara "plate"* akan diadakan. Sistem ini boleh diubah sekiranya penyertaan bertambah ramai. Acara 'plate' akan diadakan bagi pemain yang kalah pada suku akhir sahaja. Dua hadiah (emas dan perak) sahaja akan ditawarkan. Jawatankuasa Teknik berhak memutuskannya.
- Peraturan 4: Pengadil akan dibuat oleh pemain sekiranya jumlah pengadil dari kalangan guru tidak mencukupi. Bagaimanapun keputusan pengadil adalah muktamad.
- Peraturan 5: Ketepatan masa adalah penting. Pemain mesti mengikut jadual pertandingan. Kelewatan 15 minit boleh dianggap 'walk over' dan ia akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- Peraturan 6: Keselamatan dan peraturan keselamatan mesti dipatuhi. **Eyewear wajib dipakai** dan pakaian yang diizinkan oleh Jawatankuasa Pengelola sahaja yang dibenarkan. Cincin dan lain-lain 'aksesori' adalah dilarang sama sekali semasa di dalam gelanggang.
- Peraturan 7: Murid yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta yang menjadi anggota dan berdaftar dengan MSSPP adalah layak menyertai pertandingan MSSPP.
- Peraturan 8: Penyertaan murid adalah tertakluk kepada had umur peserta.
- Peraturan 9: Pihak Pengelola adalah diberi kuasa untuk menghalang sebarang pasukan atau atlet daripada bertanding sekiranya guru pengiringnya tidak turut serta.
- Peraturan 10: Semua murid yang mengambil bahagian dalam pertandingan MSSPP adalah wakil sekolah masing-masing. MSSPP/ Pengelola tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan atau kejadian yang mungkin berlaku sebelum, semasa atau selepas pertandingan. **Pihak sekolah adalah bertanggungjawab mendapatkan kebenaran dan persetujuan bertulis daripada ibu bapa/waris dan menguruskan seorang guru sekolah untuk mengiringi atlet sepanjang pertandingan.**
- Peraturan 11: Semua pegawai atau atlet pasukan tidak boleh sama sekali mengeluarkan kata-kata kasar/ kesat terhadap pengadil/ pegawai bertugas semasa pertandingan dijalankan ataupun di luar gelanggang selepas pertandingan tamat. **TINDAKAN TATATERTIB** akan diambil terhadap mereka yang tidak patuh kepada peraturan ini.
- Peraturan 12: Kelayakan mewakili negeri adalah mengikut daftar sekolah terkini seseorang murid melainkan pelajar sekolah sukan dan akademik permainan kebangsaan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Peraturan 13: Sekolah swasta / Sekolah Agensi Kerajaan lain yang dibenarkan bermaksud sekolah yang diluluskan pendaftarannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan bergabung serta membayar sumbangan penuh (mengikut enrolmen sekolah) dengan Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang.

- Peraturan 14: Murid sekolah swasta perlu menunjukkan bukti ia sedang belajar sepenuh masa di sekolah berkenaan supaya layak bertanding dalam kejohanan MSSM.
- Peraturan 15: Bilangan penyertaan dari satu-satu sekolah tidak terhad untuk acara perseorangan.
- Peraturan 16: Pemilihan pemain ke MSSM akan dibuat semasa pertandingan MSSPP. Jawatankuasa akan menetapkan cara pemilihan pemain. Bagi tahun 2017 diputuskan bahawa pemilihan akan mengikut ranking pemenang MSSPP. Bagi pelajar Sekolah Sukan, ranking kebangsaannya akan merupakan kriteria pemilihan, kedudukan dalam pasukan dan penyertaan dalam Kejohanan MSSM.
- Peraturan 17: **Pemain yang terpilih mewakili MSSPP ke Kejohanan MSSM, WAJIB memakai t-shirt yang dibekalkan oleh Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang semasa perlawanan dijalankan. Pemain wajib tinggal / menginap di tempat yang telah ditetapkan oleh Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.**
- Peraturan 18: **Campurtangan ibu bapa atau mana-mana pihak luar (jurulatih persendirian) dalam segala pengurusan dan keputusan Jawatankuasa Teknik MSSPP semasa Kejohanan MSSPP dan Kejohanan MSSM berlangsung TIDAK DIBENARKAN. Pihak pengelola hanya akan berurusan dengan guru-guru pengiring sahaja sekiranya terdapat sebarang masalah yang timbul semasa pertandingan.**
- Peraturan 19: **Pemain yang menarik diri dari mewakili MSSPP ke Kejohanan MSSM di saat-saat akhir tanpa alasan yang munasabah tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Kejohanan MSSPP dan Kejohanan MSSM tahun berikutnya. Pemain berkenaan berkemungkinan akan disenaraihitamkan.**
- Peraturan 20: Juri rayuan akan terdiri daripada Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Ketua Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atau wakilnya, Pegawai Meja Sukan Skuasy Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Pengurus Teknik dan Pembangunan Sukan Skuasy Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, serta wakil AJK Teknikal Pertandingan.
- Peraturan 21: 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 2 gangsa dihadiahkan bagi setiap kategori. Pingat emas dan perak sahaja akan dihadiahkan bagi acara "plate" bagi setiap kategori.
- Peraturan 22: Kecuali yang dinyatakan berlainan dalam Peraturan-Peraturan Am ini, Peraturan atau Undang-Undang antarabangsa yang ada dan sedang berkuatkuasa akan diamalkan.
- Peraturan 23: Perkara-perkara yang tidak tercatat dalam Peraturan-Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Juri atau Lembaga Rayuan. Keputusan Juri atau Lembaga Rayuan adalah muktamad. Walau bagaimanapun, jika terdapat masalah mengenai 'status' kedudukan atau kelayakan seseorang atlet/ pelajar tidak dapat diselesaikan di peringkat Juri atau Lembaga Rayuan, perkara tersebut boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Tertinggi MSSPP untuk mendapat keputusannya.
- Peraturan 24: Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang mempunyai kuasa untuk meminda atau menambah peraturan jika perlu dalam Peraturan-Peraturan Am ini. Segala keputusan MSSPP adalah muktamad dan semua anggota akan diberitahu kelak.